

HARI :	RABU
TARIKH :	18/9/2019
M/SURAT :	18

Ali baba kuota minyak masak

Tiris akibat politik

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 SEPT.

PEMILIKAN kuota minyak masak subsidi dalam kalangan bukan pembungkus tulen turut didakwa menjadi punca kepada ketirisan subsidi bahan keperluan tersebut.

Senario itu bukan sahaja menggalakkan kegiatan penyeludupan minyak masak pekret satu kilogram ke negara jiran malah menjuruskan kepada penjualan kuota kepada pihak ketiga.

Menurut sumber, masalah itu berlaku selepas kuota pembungkus minyak subsidi terdahulu dikurangkan sebelum diagihkan kepada 'pemain industri baharu'.

"Sebagai contoh pada asalnya, pembungkus A memiliki kuota 500 tan sebulan, namun dikurangkan kepada 350 tan atas alasan kerajaan mahu jimatkan kos subsidi.

"Bagaimanapun, apa yang berlaku, kuota tersebut sebenarnya diagihkan kepada pihak lain yang digelar 'kuota politik'.

"Lebih memburukkan keadaan, ada segelintir daripada mereka yang menerima kuota baharu ini sebenarnya bukan pembungkus tulen sehingga ada yang menjual pula kuota mereka kepada pihak lain," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Utusan Malaysia hari ini mendedahkan terdapat pihak tertentu mengaut keuntungan besar dengan menjual minyak masak subsidi ke negara jiran.



ANGGOTA Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) memeriksa minyak masak yang di rampas setelah cuba di seludupi di Bukit Kayu Hitam, Kedah. - UTUSAN/ ISMAIL KAMADIN

Mengulas lanjut, sumber menjelaskan, ada dalam kalangan penerima 'kuota politik' tersebut bertindak 'mengalibakan' kuota mereka bagi mendapat keuntungan mudah.

"Ada dalam kalangan pemilik kuota yang tidak mempunyai modal untuk menjalankan aktiviti pembungkusan.

"Jadi apa yang berlaku mereka menjual kuota kepada pihak lain, sebagai contoh, subsidi bagi satu kilogram adalah 60 sen, pemilik ambil 20 sen manakala pihak ketiga ambil 40 sen. Bayangkan

kalau ada 200 tan sebulan.

"Pemilik kuota itu akan menerima RM40,000 sebulan tanpa perlu memikirkan kos pengangkutan, pekerja, utiliti dan lain-lain bagi menampung operasi kilang. Soal ke mana minyak itu dijual mereka tidak peduli," ujarnya.

Tambah sumber, pemberian kuota minyak masak subsidi dimulakan sejak 2007 dan diselia oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebelum diambil alih oleh sebuah kementerian pada 2016.